

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

AOP300 - PENGURUSAN PERSONEL

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bagaimanakah boleh wujudnya istilah-istilah yang bercelaru seperti "Pengurusan Sumber Manusia (Human Resource Management), "Perhubungan Manusia" (Human Relations), "Pengurusan Personel" (Personnel Management), "Pengurusan Perhubungan Industri" (Industrial Relations Management), "Pengurusan Perhubungan Pekerja" (Employee Relations Management) dan istilah lain seperti "Perhubungan Insan" dan "Perhubungan Buruh". Sebagai pelajar Pengurusan Sumber Manusia, apa yang anda faham mengenai istilah-istilah ini? Bincangkan.

[25 markah]

2. Dalam kebanyakan hal, semua pengurus fungsian akan terlibat dengan Pengurusan Sumber Manusia. Berikan contoh-contoh konsep dan teknik yang berguna kepada semua pengurus fungsian tersebut.

[25 markah]

3. Seorang pegawai yang baru sahaja dinaikkan pangkat menjadi pengurus latihan telah menemui anda untuk mendapatkan pendapat mengenai pembangunan sumber manusia. Beliau telah meminta pendapat anda mengenai proses pembentukan program latihan dan pembangunan. Apakah penjelasan anda?

[25 markah]

...2/-

AOP300

4. Dalam Ceramah Umum Universiti baru-baru ini, Tan Sri Eric Chia, Pengarah Urusan, Perwaja Steel Sdn. Bhd. ada menceritakan satu keadaan pekerjaannya sewaktu beliau memulakan tugasnya dalam syarikat tersebut. "Pekerja Perwaja ketika itu, apabila datang di waktu pagi..... pintu kilang adalah terlalu luas bagi mereka. Sebaliknya, di waktu pulang, pintu pagar itu tidak cukup besar untuk memberi khidmat pada mereka". Apakah pandangan anda mengenai keadaan ini berdasarkan teori motivasi? Cadangkan penyelesaiannya.

[25 markah]

5. Siapakah yang bertanggungjawab dalam membuat penilaian prestasi? Apakah kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan sistem ini?

[25 markah]

6. Bezakan perundingan kolektif dengan arbitrase wajib dari segi faedah-faedahnya.

[25 markah]

7. "Pengurusan gaji dan ganjaran mempunyai beberapa prinsip yang perlu dipenuhi". Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada jenis struktur dalam sektor swasta.

[25 markah]

--ooo000ooo---